

10/02/2003

Kejayaan LTdL bukti Malaysia negara aman

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kejayaan Malaysia menganjurkan kejohanan jelajah berbasikal Le Tour de Langkawi (LTdL) yang berakhir di sini semalam, membuktikan Malaysia negara aman.

Perdana Menteri berkata, liputan secara langsung acara tahunan yang masuk tahun kelapan, bukan saja memberi peluang kepada rakyat pelbagai negara menyaksikan perlumbaan itu tetapi juga mengenali Malaysia dan melihat sendiri suasana aman di negara ini.

"Kita selalunya tidak mendapat liputan media yang baik dan kejohanan yang mendapat liputan media antarabangsa seperti ini adalah peluang untuk rakyat negara lain melihat Malaysia seadanya.

"Saya percaya mereka menyedarinya. Ini adalah sebuah negara yang aman di mana rakyat pelbagai kaum dapat bergaul dan kita tidak menghadapi masalah," katanya dalam wawancara secara langsung dengan rangkaian sukan ESPN di Dataran Merdeka di sini, semalam.

Perlumbaan peringkat akhir itu turut disiarkan secara langsung oleh RTM. Dr Mahathir menyampaikan hadiah kepada pemenang pada akhir perlumbaan berkenaan.

Dalam ucapan ringkasnya sempena kejohanan itu, Dr Mahathir gembira kerana perlumbaan berkenaan semakin mendapat sambutan pelumba basikal dari seluruh dunia.

"Saya yakin LTdL terus mendapat sambutan dan semua pelumba utama di seluruh dunia pastinya semakin berminat mahu menyertai kejohanan ini.

"Ini kerana perlumbaan ini menjadi mercu tanda dan mengiktiraf pencapaian mereka dalam acara perlumbaan di kawasan tropika.

"Cuaca di sini panas tetapi saya lihat rakyat dari negara yang beriklim sejuk boleh tahan dengan kepanasan di sini, malah lebih tahan berbanding mereka yang berasal dari rantau ini sendiri," katanya.

Perdana Menteri mengucapkan terima kasih atas sokongan dan kehadiran rakyat pelbagai kaum dan keturunan serta pelumba dari seluruh dunia bagi menjayakan kejohanan berkenaan.

LTdL, katanya, adalah perlumbaan yang hebat dan diyakini terus mendapat sambutan lebih menggalakkan pada masa akan datang.

"Tahniah semua, tahniah penganjur dan penaja. Saya yakin mereka ini telah melakukan yang terbaik dan mereka pastinya mendapat pulangan lebih dari itu," katanya.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishamuddin Hussein, berkata penganjur dan penaja bekerja keras bagi menjayakan LTdL kali ini yang disifatkan perlumbaan paling hebat pernah dianjurkan.

"Kita tengok dari segi persiapan, perancangan dan komitmen semua pihak cukup membanggakan. Seperti yang disebutkan Perdana Menteri, kita akan teruskan LTdL dan akan memberi segala sokongan perlu," katanya.

Beliau juga berharap LTdL akan menjadi pemangkin untuk menyedarkan orang ramai khususnya peminat lumba basikal di negara ini, bahawa tiada halangan untuk pelumba tempatan bersaing, asalkan ada komitmen dan kesungguhan.

Justeru, Hishamuddin berharap semua pihak sama ada syarikat swasta, Majlis Sukan Negara atau persatuan lumba basikal di negara ini, lebih bersungguh-sungguh dalam mencungkil bakat supaya pada perlumbaan masa akan datang, pelumba negara pula yang akan melakar kejayaan.

Beliau turut menekankan pentingnya pendedahan dan mengakui tidak ada tempat yang lebih baik untuk mendedahkan pelumba basikal negara selain di Eropah.